

BORANG 6
DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI

Petisyen untuk Penerimaan Masuk }
Peguambela dan Peguamcara }
No

Dalam Perkara
beralamat di
.....

Dan
Dalam Perkara Seksyen 10 dan 15 Akta Profesion
Undang-Undang 1976 (Akta 166)

..... - Pempetisyen

AFIDAVIT

Saya, yang cukup umur dan tinggal
di.....

.....
dengan ini sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah Pempetisyen dalam Petisyen ini.
2. Saya telah mencapai umur lapan belas tahun. Salinan Sijil Beranak saya dilampirkan di sini dan bertanda "A".
3. Saya adalah seorang warganegara Malaysia. Salinan Kad Pengenalan saya dilampirkan di sini dan bertanda "B".
4. Saya adalah orang berkelayakan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 166). Salinan sebenar keterangan dokumentar yang menunjukkan saya orang berkelayakan dilampirkan di sini dan bertanda "C".
5. Sijil Kelakuan Baik daripada

.....
dilampirkan di sini dan masing-masingnya bertanda "D" dan "E".

6. Saya telah, bagi tempoh bermula dari haribulan 20..... hingga
..... haribulan20..... dengan rajinnya belajar dalam Kamar Encik/Puan/Cik*
..... dari Tetuan
seorang Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya yang menjalankan dan telah menjalankan
amalan secara aktif dalam Malaysia bagi jumlah tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun sebelum
sahaja tarikh latihan saya bermula. Sijil Kerajinan dari Pengajar saya dilampirkan di sini dan bertanda "F".

*7. Saya telah lulus Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia. Salinan Sijil yang ditandatangani oleh Setiausaha
Lembaga Kelayakan dilampirkan di sini dan bertanda "G".

*7. Saya telah dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia oleh Lembaga Kelayakan.
Salinan Sijil Pengecualian yang ditandatangani oleh Setiausaha Lembaga Kelayakan dilampirkan di sini dan
bertanda "G".

8. Saya telah memfailkan Petisyen di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur memohon diterima masuk
dan didaftarkan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi di Malaya. Notis-notis yang
memberitahu bahawa saya telah mepetisyen sedemikian telah ditampalkan pada semua Mahkamah Tinggi
untuk selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh penampalan terakhir. Salinan Sijil Penampalan
Terakhir dilampirkan di sini dan bertanda "H".

9. Saya telah memperoleh suatu perintah di bawah subseksyen 36(2) Akta Profesion Undang-Undang 1976
(Akta 166) dari Mahkamah Tinggi Malaya di.....pada.....
haribulan..... 20.....Salinan perintah di bawah Seksyen 36 (2) dilampirkan di sini dan bertanda "I".

DIKRAR oleh yang bernama di atas di
.....pada
haribulan 20
pukul pagi/petang.

Di hadapan saya,

**padam yang mana tidak berkaitan*

.....
Pesuruhjaya Sumpah